

Sejarah perkembangan tulisan jawi di Nusantara



DR ABD JALIL BORHAM

jalil@ump.edu.my

» **Bukti pada nisan, batu bersurat menunjukkan penggunaan meluas seiring kedatangan Islam**

Sejarah tulisan jawi di Nusantara berkait rapat dengan kedatangan Islam ke Nusantara. Berpandukan kepada beberapa fakta, kebanyakan sejarahwan terutama dari Barat berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Nusantara berlaku pada abad ke-13 Masihi.

Islam dibawa oleh saudagar Islam bangsa Arab, Parsi dan India. Menurut catatan China, pada zaman Dinasti Yuan, datang satu rombongan diplomatik Melayu ke istana kerajaan itu pada tahun 1281-1282M. Rombongan itu diketuai oleh dua orang Islam.

Seorang sarjana sejarah bangsa Pakistan, SQ Fatimi melaporkan bahawa dua utusan berkenaan adalah dari Samudera atau Sa-Mu-Ta yang bernama Hassan dan Sulaiman. Dalam catatan lain keduanya disebut sebagai Sulaiman dan Shamsuddin, manakala sejarawan Dr AH Hill pula menyebut Husain dan Sulaiman.

Seorang pengembara Vinace, bernama Marco Polo singgah di Perlak (Perlec) dalam perjalanan pulang dari istana Kublai Khan pada tahun 1292 Masihi. Beliau menyatakan terdapat ramai pedagang Islam di situ. Di samping menjalankan perniagaan, mereka giat berdakwah bagi mengislamkan penduduk tempatan.


Raja Islam pertama di Samudera
Ibn Batutah, pengembara Arab dari Maghribi singgah sebanyak dua kali di Samudera dalam pelayarannya pergi dan balik dari China pada tahun 1345 Masihi. Beliau menyatakan bahawa raja Samudera ketika itu beragama Islam dan bermazhab Syafi'i. Raja itu adalah Malik al-Zahir, anak kepada Malik al-Salih yang menjadi raja Islam pertama di Samudera.

De Jong, sejarawan Belanda berpendapat bahawa Pasai adalah sebuah negeri Islam sejak sebelum kedatangan Marco Polo ke negeri itu pada tahun 1292 Masihi lagi.

Catatan sejarah mengenai kedatangan Islam khususnya di Sumatera sama ada di Barus, Lambri, Aru dan Perlak berdasarkan hubungan dagangan Asia Barat dengan Nusantara tidak dapat disangkal lagi. Peringkat kedatangan Islam sejak awal hingga abad ke-13 Masihi khususnya di daerah Sumatera Utara seperti yang dilaporkan oleh ITsing, seorang sarjana Cina yang berkunjung ke Sriwijaya pada tahun 672 Masihi menguatkan lagi kenyataan ini.

Dalam pelayarannya ke negeri itu, beliau telah menumpang kapal orang 'Posse' iaitu panggilan orang China kepada orang Arab Islam. Ahli sejarah Dr OW Wolters, berpendapat 'Posse' sebagai panggilan orang China kepada orang Melayu. Justeru, orang Melayu pada abad itu dikatakan telah memeluk Islam.

Mengikut catatan Dinasti T'ang terdapat orang-orang 'Ta-Shih' yang berkerajaan di kawasan pantai barat Sumatera Utara, iaitu gelaran kepada orang Islam pada tahun 674 Masihi. Inskripsi batu nisan




yang terdapat di Nusantara juga dapat dijadikan bukti yang kuat tentang kedatangan Islam di rantau ini sejak kurun ke-7 hingga ke-13 Masihi. Antaranya ialah batu nisan di Leren bertarikh 1082 Masihi dan batu nisan Sultan Malik al-Salih di Pasai bertarikh 1297 Masihi.

Batu nisan bertulisan Arab
Batu nisan di Leren dikatakan kepunyaan seorang wanita yang bernama Fatimah binti Maimun bin Hibatullah terletak di Leren, Gerisik Jawa Timur. Batu nisan itu bertulisan Arab bertarikh 1082 Masihi atau 1102 Masihi. Ia menjadi bukti yang tertua sekali mengenai kewujudan orang Islam di Jawa.

Mengikut sejarawan D G E Hall, batu nisan itu besar kemungkinan dibawa ke tempat berkenaan pada masa kebelakangan. Tarikh yang tercatat padanya hanya menunjukkan mengenai adanya seorang Arab atau Parsi di sana pada tahun tersebut, tetapi tidak ada bukti mengenai penyebaran Islam di sana. Begitu juga dengan batu nisan Sultan Malik al-Salih, Raja Pasai yang bertarikh 1297 Masihi.

Dengan hanya berpegang kepada catatan Dinasti Yuan, laporan Marco Polo serta dua batu nisan tersebut, sejarawan Barat berpendapat bahawa kedatangan Islam ke Nusantara berlaku sekitar abad ke-13 Masihi. Pendapat inilah juga yang telah dipegang oleh ahli sejarah Belanda, Snouch Hurgronje yang menyatakan teorinya pada tahun 1883 Masihi dengan disokong oleh Russell Jones.

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan bahawa kedatangan Islam di rantau ini berlaku sejak abad ke-7 Masihi atau ke-8 Masihi lagi. Oleh yang demikian, catatan di batu nisan bahawa Islam datang ke rantau ini pada abad ke-13 Masihi bukanlah menandakan mula ber-



Penulisan tulisan jawi semakin dilupakan pada zaman sekarang. (GAMBAR HIASAN)

tapaknya Islam, tetapi menggambarkan mengenai pengaruh Islam serta perkembangannya yang semakin pesat.

Dari segi bukti, terdapat lima bukti utama yang ditemui yang menunjukkan tulisan Arab telah digunakan di Alam Melayu. Bukti berkenaan ialah:

- Batu nisan makam Syeikh Abdul Qadir Ibn Husin Syah Alam, di Langgar, Alor Setar, Kedah yang bertarikh 290 H bersamaan 910 M. Penemuan batu nisan ini telah menolak pendapat yang menyatakan bahawa Islam mula diterima oleh penduduk Kedah berlaku pada akhir abad ke-15 Masihi. Ini adalah kerana jika batu nisan itu ditemui bertarikh 910 Masihi sudah tentu penduduk di Langgar

Kedah telah lebih awal menganut Islam sebelum tarikh yang tertera di batu nisan tersebut.

- Batu nisan yang ditemui di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan Pahang, Subuh hari Rabu 14 Rabiul Awal 419H (1028M).
- Batu nisan yang ditemui di Phanrang, Vietnam yang bertarikh 431H bersamaan 1039M.
- Batu nisan puteri Sultan Abdul Majid Ibn Muhammad Shah yang bertarikh 440H bersamaan 1048M di tanah perkuburan Islam, Jalan Residen Bandar Seri Begawan, Brunei.
- Batu nisan Fatimah binti Maimun bin Hibat Allah bertarikh 475H bersamaan 1082M di Leran Grisek, Jawa Timur.



Papan tanda menggunakan tulisan Jawi di samping ejaan rumi pada masa sekarang.

1292 MASIHI

Marco Polo singgah di Perlak (Ferlec) dalam perjalanan pulang dari istana Kublai Khan. Beliau menyatakan terdapat ramai pedagang Islam di Perlak. Di samping menjalankan perniagaan, mereka giat berdakwah bagi mengislamkan penduduk tempatan.

1345 MASIHI

Ibn Batutah, pengembara Arab dari Maghribi singgah sebanyak dua kali di Samudera dalam pelayarannya pergi dan balik dari China. Beliau menyatakan raja di Samudera beragama Islam

Daripada kelima-lima penemuan itu telah menjadi suatu bukti yang kukuh bahawa tulisan Arab telah wujud di Asia Tenggara sejak abad ke-10 Masihi lagi. Namun demikian, bukti berkenaan adalah ditulis dengan bahasa Arab dan belum ada yang ditulis dalam bahasa Melayu.

Batu bersurat di Kuala Berang

Bagaimanapun, pada kira-kira 300 tahun lebih kemudian daripada bukti pertama yang bertulis Arab barulah ditemui bukti berbahasa Melayu yang menggunakan tulisan jawi. Bukti itu ialah batu bersurat yang ditemui di Kuala Berang, Hulu Terengganu yang bertarikh pada hari Jumaat 4 Rejab 702H bersamaan 22 Februari 1303M. Batu ini ditulis di empat penjuru dengan bahasa Melayu huruf jawi dan mengandungi hukum syarak yang wajib dipatuhi oleh semua rakyat. Batu itu telah ditemui oleh orang kampung di situ dan ia dijadikan sebagai pelapik untuk membasuh kaki sebelum naik ke dalam surau.

Penemuan pertama ini dianggarkan berlaku pada tahun 1887. Penemuan batu bersurat ini menunjukkan bahawa tulisan jawi telah digunakan sebelum tahun 1303M lagi dan sehingga hari ini tulisan jawi masih terus digunakan.

Bentuk tulisan jawi pada bukti ini ialah tulisan khat nasakh yang mudah dibaca dan ada menyebut nama Tuhan dengan panggilan 'Dewata Yang Mulia'. Namun kerana usianya yang terlalu lama di samping ia telah digunakan untuk pelapik



Batu nisan di Leren dikatakan kepunyaan seorang wanita yang bernama Fatimah binti Maimun bin Hibat Allah

kaki maka terdapat beberapa bahagian yang telah haus.

Bukti ini adalah satu kesan sejarah Islam yang terpenting dijumpai di Malaysia kerana ia telah membuktikan dengan jelas betapa ajaran Islam sebenarnya telah dilaksanakan dan diamalkan dengan sempurna dan kuat pada kurun ke-14 Masihi. Di samping itu ia juga menunjukkan bahawa Terengganu telah menjadi pusat dakwah Islam di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan sebab itu tidak hairanlah kenapa negeri itu kini digelar sebagai Darul Iman.

Dari segi manuskrip pula, tulisan jawi yang tertua bertarikh pada 998H/1590M iaitu naskhah bagi kitab *Aqa'id al-Nasafi* karangan Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Buku *Aqa'id al-Nasafi*, diterjemahkan dari bahasa Arab ke bahasa Melayu, yang merupakan manuskrip Melayu tertua yang dijumpai sehingga saat ini.

Menjelang abad Masihi ke-20, penggunaan tulisan jawi sebagai alat perakam karya persuratan Melayu sudah meliputi suatu lingkungan yang sangat luas. Bukan itu sahaja, malah tulisan jawi telah digunakan dalam semua bidang kehidupan pada masa itu. Yang paling menonjol ialah penggunaan tulisan jawi dalam surat antara negeri-negeri Melayu dengan pihak Inggeris.

Kegugupan tulisan jawi beransur-ansur kurang penting tahun demi tahun apabila kerajaan lebih memberikan penekanan kepada penggunaan tulisan rumi. Akhirnya generasi sekarang banyak yang tidak memahami tulisan jawi lagi.

Sejarah jelas menunjukkan bahawa tulisan jawi yang diperkenalkan semenjak kurun ke-14 itu telah bertapak kukuh di Tanah Melayu. Pengaruhnya juga begitu meluas dalam perkembangan bahasa Melayu. Tetapi sejak sistem ejaan rumi diperkenalkan untuk menulis bahasa Melayu pada awal kurun ke-20 dan digunakan dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu, kedudukan tulisan jawi mula mendapat persaingan.

Semoga dengan usaha yang berterusan dari pelbagai pihak dalam agenda memartabatkan tulisan jawi akan memberi kesan positif bagi mengangkat tulisan jawi ke persada dunia dan kekal dihayati di rantau Asia Tenggara.

Penulis adalah Profesor dan Dekan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemahiran, Universiti Malaysia Pahang.

Batu bersurat di Kuala Berang, Hulu Terengganu yang bertarikh pada hari Jumaat 4 Rejab 702H bersamaan 22 Februari 1303M.